

22.10.2021/JUMAAT

BAHASA MELAYU KOMUNIKASI

TEMA 6 : BARANGAN BUATAN MALAYSIA

UNIT 18 : PILIHAN BIJAK

SK: 3.3 Menulis untuk membina dan menggunakan pelbagai pola dasar.

SP: 3.3.1 Menulis ayat menggunakan pola ayat dasar.

**BARANGAN
BUATAN
MALAYSIA**

UNIT 18
Pilihan Bijak

 **Mendengar dan Bertutur**

Jadilah Pengguna Bijak

Pelbagai cara boleh dilakukan untuk menjadi seorang pengguna yang bijak. Sebagai pengguna, kita perlu bijak berbelanja supaya kewangan kita dapat diurus dengan baiknya.

Pengguna yang bijak perlu mengetahui hak-hak mereka sebagai pengguna bagi mengelak diri daripada menjadi mangsa penipuan atau teraniaya. Antara hak-hak pengguna termasuklah hak untuk memulangkan barang yang dibeli jika rosak dan mendapatkan ganti rugi.

Amalan menabung sejak kecil lagi dapat mendidik kita menjadi pengguna yang bijak. Dengan adanya sikap sedemikian, pengguna lebih berjimat-cermat ketika berbelanja. Lebihan wang yang dibelanjakan boleh disimpan untuk kegunaan pada waktu kecemasan.

Pengguna yang bijak akan membuat perbandingan harga sebelum membeli sesuatu barang. Kita perlu tahu anggaran harga barang yang hendak dibeli. Sebelum membeli barang tersebut, buatlah perbandingan harga di beberapa buah kedai. Belilah barang di kedai yang menawarkan harga yang berpatutan.

Pengguna yang bijak juga perlu menyediakan senarai barang yang hendak dibeli. Dengan berbuat demikian, kita dapat mengawal perbelanjaan dan mengelakkan pembaziran. Kita juga dapat mendisiplinkan diri daripada membeli barang yang tidak sepatutnya dibeli.

Setiap pengguna juga perlu berfikir dahulu sebelum membeli sesuatu barang. Pepatah **mengukur baju di badan sendiri** eloklah dijadikan pegangan untuk memastikan kita tidak mengalami kesempitan kewangan akibat tidak merancang perbelanjaan.

 **KAMUSMINI**

mengukur baju di badan sendiri	bertindak atau berbelanja mengikut kemampuan diri sendiri.
--------------------------------	--

 **Aktiviti**

LATIHAN 1

Senaraikan 6 isi penting ciri-ciri pengguna bijak melalui petikan "Jadilah Pengguna Bijak".

1. _____

2. _____

3. _____

4. _____

5. _____

6. _____
